

03 OCT 1997

Mahathir-Argentina

MAHATHIR TIBA DI ARGENTINA BAGI LAWATAN TERAKHIR KE AMERIKA LATIN

Oleh: K.C.Leong

BUENOS AIRES, 3 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pada Khamis untuk lawatan rasmi tiga hari ke Argentina, negara terakhir yang dikunjungi dalam siri lawatannya ke empat negara Amerika Latin.

Perdana Menteri yang sebelum ini melawat Cuba, Chile dan Uruguay akan bersama Presiden Carlos Menem merasmikan persidangan Pengeksport Argentina mengenai Asean pada Jumaat.

Kedua-dua pemimpin kemudian akan mengadakan pertemuan di Rumah Kerajaan sebelum mengetuai delegasi masing-masing pada satu sesi perbincangan. Antara para pegawai Malaysia yang menghadiri mesyuarat itu ialah Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu dan Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Haji Musa.

Beliau kemudian dijadual menyaksikan penandatanganan satu perjanjian mengenai pengecualian cukai dua hala terhadap pendapatan operasi pesawat dan kapal antara kedua-dua negara.

Pada malamnya beliau akan menghadiri majlis jamuan rasmi yang dianjurkan Presiden Menem sementara pada tengah hari beliau menjadi tetamu kehormat pada majlis jamuan anjuran Bursa Saham Buenos Aires.

Pada Khamis malam, Dr Mahathir dan pemimpin Argentina itu bersama merasmikan Festival Makanan dan Kebudayaan Malaysia di sebuah hotel terkemuka di sini.

Sementara itu anggota-anggota delegasi yang mengiringi lawatan Perdana Menteri akan mengadakan pertemuan dengan ahli-ahli perniagaan dan usahawan tempatan dalam satu program berasingan yang diatitkan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) pada pagi Jumaat.

Pada perasmian festival makanan dan kebudayaan Malaysia, Dr Mahathir berkata hubungan antara Malaysia dan Argentina serta antara Asia Tenggara dan Amerika Latin telah memasuki satu peringkat baru dan menarik.

Katanya walaupun hubungan antara Malaysia dan Argentina agak baru, ia telah pesat berkembang dan perdagangan dua hala tahun lepas berjumlah US400 juta. Malaysia kini merupakan rakan dagangan Argentina yang ketiga terbesar.

Penerbangan Malaysia kini menjadi jambatan yang unik di antara rantau Asia Pasifik dan Amerika Latin dengan halangan-halangan dahulu kini membuka jalan kepada peluang-peluang baru, kata Dr Mahathir.

Beliau memberikan penghargaan kepada Presiden Menem kerana sejak dulu telah menyedari bahawa Asia dan Amerika Latin merupakan sekutu dalam usaha bersama bagi mewujudkan keamanan sejagat, kemajuan ekonomi dan sosial serta menjadi Presiden Argentina pertama melawat Malaysia malah sebelum beliau melawat Argentina. -- BERNAMA

LKC RON